



SCHOOL OF LIBERAL ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : _____

Subject Code & Name : **MPU2212 Bahasa Kebangsaan A**
 Semester & Year : Mei - Ogos 2016
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.**
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)**
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College of Hospitality regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College of Hospitality.

Total Number of pages = 12 (Including the cover page)

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)

ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS

Petikan (i)

MELAKA, 11 Mei - Seorang Timbalan Penolong Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia Melaka dan isterinya mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas empat pertuduhan menerima suapan berjumlah RM5,400 pada 2014. Marzuan Sungep, 56, dan isterinya Norizan Hashim, 40, seorang suri rumah didakwa menerima semua suapan itu daripada Helmida Mukhlis kononnya sebagai upah mendapatkan permit kerja sah daripada Jabatan Imigresen. Bagi pertuduhan pertama, mereka didakwa menerima suapan wang tunai RM300 di Kedai Percetakan I Love Printing, No 5, Jalan Wangi 2, Taman Wangi, Malim Jaya di sini pada 12.30 tengah hari, 13 November 2014. Mereka juga didakwa menerima suapan wang tunai RM500 di sebuah stesen minyak Shell Bachang di PT 4553, Jalan Bachang di sini pada pukul 10 pagi, 14 November 2014.

Bagi dua lagi pertuduhan, kedua-duanya didakwa menerima suapan wang tunai RM2,600 pada 6 petang, 17 November 2014 dan RM2,000 pada 10.30 malam hari sama di Kampung Pasir Putih, Bachang. Marzuan dan Norizan didakwa mengikut Seksyen 16 (a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai suapan atau RM10,000 atau mana yang lebih tinggi. Marzuan ketika memohon **wang jaminan** dikurangkan bagi dirinya dan isteri berkata dia menghidap gangguan mental yang tidak boleh dikesan melalui perubatan moden dan sedang mendapatkan rawatan tradisional, selain tidak mempunyai pendapatan tetap kerana sudah tidak hadir bertugas.

Hakim Norma Ismail membenarkan kedua-dua tertuduh masing-masing diikat jamin RM15,000 dengan dua penjamin dan menetapkan 13 Jun depan untuk sebutan semula kes. Pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa SPRM, Ong Cheng Hian manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

- BERNAMA

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa '**wang jaminan**'? **(2 markah)**
2. Apakah **DUA (2)** alasan yang diberikan oleh Marzuan Sungep ketika meminta untuk dikurangkan hukuman? **(2 markah)**
3. Nyatakan **DUA (2)** pertuduhan yang dibacakan kepada pesalah rasuah di atas. **(2 markah)**
4. Pada pendapat anda, apakah **DUA(2)** keburukan rasuah? **(4 markah)**

Petikan (ii)

Amanah Ibu Bekerja

Hari ini permataku bersamamu
Meski rintih melirih
Aku campak resah ke gaung gusar
Aku pacak yakin di puncak percaya
Mengusung doa dalam waktu kudratku bekerja

Di sini jiwaku tergantung

Mengenang nadi tertinggal

Terngiang teriakan
Terdengar dengusan
Rengek manja di setiap pagiku
Merengkuh rasa kasih ibu

Fahamlah pengasuh kucinta
Dia nyawaku yang tercipta
Dakaplah dengan kelembutanmu
Diamkanlah dengan imanmu
Moga besar nikmat ganjaranmu
Menjaga amanahku

Citra Zura

1. Apakah tema puisi di atas? **(2 markah)**
2. Apakah yang dimaksudkan oleh penyajak dalam rangkap kedua, baris kedua? **(2 markah)**
3. Apakah yang dipesan oleh penyajak kepada pengasuh tersebut? **(2 markah)**
4. Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya untuk memilih pengasuh yang baik? **(4 markah)**

TATABAHASA

*Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.*

- (a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. memotong
- II. menghiris
- III. menetak
- IV. meraut
- V. mengerat

(10 markah)

- (b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

- I) Runtuh akhlak dalam kalangan remaja mengakibatkan golongan ini terjebak dalam gejala gengsterisma.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- II) Untuk dijadikan pelajar yang cemerlang, kita mestilah memiliki motivasi dan disiplin yang tinggi.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- III) Berita hari ini tersiar insiden dua orang buruh binaan maut akibat terkena kejutan elektrik.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

- IV) Pemilik kedai alatulis yang baru dibuka itu telah mengadakan pertandingan cipta logo untuk dijadikan logo kedainya.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

V) Zat protin boleh terdapat daripada telur, ikan, susu, dan daging.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)

ARAHAN : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

1. Semangat patriotik semakin luntur dalam kalangan masyarakat di negara kita. Berikan pendapat anda mengenai usaha-usaha untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat di negara kita.
2. Menurut Yang Berhormat Daruk Seri Panglima Madius Tangau, Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, pada 8 Januari 2016 cuaca panas akan berterusan sehingga Mac 2016. Bincangkan kesan El Nino dan langkah untuk mengurangkan kesan terhadap kesihatan akibat El Nino.
3. Semangat kejiiran dalam kalangan rakyat di negara kita semakin longgar. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang harus diambil supaya semangat kejiiran dalam kalangan penduduk dapat ditingkatkan.

(30 markah)

SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT